



# PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my)

No. Ruj. Kami: PBBPP.UKK.100-2/1/1(18)

Tarikh: 22 MEI 2020

## KENYATAAN MEDIA

### Penyelenggaraan Tahunan Berjadual Kali Kedua Perkhidmatan Funikular Bukit Bendera Dijadualkan Semula pada 1 hingga 5 Jun 2020

Kerajaan Persekutuan mengumumkan pada 10 Mei 2020 bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilanjutkan sehingga 9 Jun 2020.

Sehubungan itu, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) telah menjadualkan semula tarikh penyelenggaraan tahunan berjadual kali kedua perkhidmatan funikular Bukit Bendera pada 1 hingga 5 Jun 2020.

Keputusan untuk menjadualkan semula penyelenggaraan tahunan berjadual kali kedua yang pada asalnya dijadualkan pada 18 hingga 24 Jun 2020 dilakukan selepas pertimbangan teliti dijalankan.

Penyelenggaraan tahunan berjadual kali kedua perkhidmatan funikular Bukit Bendera akan dijalankan selama 5 hari, semasa dalam tempoh PKPB serta akan bersedia sepenuhnya sebelum PKP diumumkan berakhir oleh pihak berkuasa.

Hal ini juga bagi mengelakkan penutupan semula perkhidmatan funikular selepas ianya dibuka kepada orang ramai.

PBBPP menjadualkan dua (2) kali penyelenggaraan tahunan berjadual utama setiap tahun di bawah pengawasan pengeluar funikular (Garaventa AG dari Switzerland) bagi memastikan sistem funikular berada dalam keadaan terbaik dan menjalani pemeriksaan yang ketat.

PBBPP juga menjalankan pemeriksaan dan penyelenggaraan sistem funikular secara harian, mingguan dan bulanan serta pemeriksaan turut dijalankan selepas waktu operasi.

PBBPP ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pengunjung di atas kesabaran dan sokongan berterusan kepada Bukit Bendera. Maaf di atas segala kesulitan.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-828 8880 atau emel kepada [inquiries@penanghill.gov.my](mailto:inquiries@penanghill.gov.my).

#TAMAT#

### Mengenai Perbadanan Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

### Unit Komunikasi Korporat

Chris Koay  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[shkoay@penanghill.gov.my](mailto:shkoay@penanghill.gov.my)

Safina Ramli  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[safina@penanghill.gov.my](mailto:safina@penanghill.gov.my)

Izatul Aziah Ismail  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[izatul@penanghill.gov.my](mailto:izatul@penanghill.gov.my)